

15/01/1999

BN yakin rampas semula Kelantan (HL)

Rasid Rahaman; Veena Rusli

KOTA BHARU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) boleh merampas semula Kelantan daripada kerajaan Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, keyakinan itu berdasarkan beberapa tindakan yang diambil oleh parti, diterima dan tidak dibantah semua pihak.

"Kini apa yang kita nak, semua utamakan parti, bukan diri sendiri," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan wakil rakyat BN Kelantan di Rumah Kelantan di sini, hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Ditanya apakah tindakan yang boleh membantu BN merampas semula Kelantan pada pilihan raya umum nanti, Perdana Menteri berkata: "Ada, tak boleh dedahkan."

Mengenai pertemuannya dengan Badan Perhubungan Umno Kelantan dan wakil rakyat BN, Dr Mahathir berkata, beliau menjelaskan mengenai pentingnya semua pihak bersiap sedia menghadapi pilihan raya yang akan diadakan antara sekarang hingga April tahun depan.

Beliau berkata, Umno Kelantan sudah membuat penilaian mengenai kemungkinan parti dapat mencapai kemenangan itu dan ramai juga sudah memberi pendapat berhubung perkara berkenaan.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, mesyuarat itu tidak membincangkan kedudukan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Menurutnya, sebagai ahli Umno, Tengku Razaleigh akan membantu parti dan BN mengikut kedudukannya.

"Beliau seorang yang berpengaruh dan memainkan peranan luas sesuai dengan pengaruhnya," katanya.

Mengenai kesediaan Tengku Razaleigh menjadi penasihat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) secara sukarela, Perdana Menteri berkata: "Kadang-kadang kita panggil siapa yang ada kepakaran."

Ditanya kemungkinan Tengku Razaleigh akan kembali sebagai pemimpin parti, Dr Mahathir berkata, apa saja boleh berlaku kerana sebagai ahli Umno beliau layak bertanding dalam pemilihan parti sedikit masa lagi.

Pada sidang akhbar itu juga, Dr Mahathir mengulangi jaminannya untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada timbalannya secara licin dan lancar apabila masanya sesuai.

Beliau berkata, pengambilalihan tugas itu akan dilaksanakan seperti dirancang jika tiada perkara yang menghalangnya seperti yang berlaku terhadap tiga timbalannya sebelum ini.

Menurutnya, setakat ini timbalannya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) tetap akan menggantinya, walaupun masanya belum boleh ditetapkan.

"Saya bertanggungjawab mengembalikan kestabilan negara, termasuk dari segi pemulihan ekonomi sebelum berundur kerana saya sudah berusia 74 tahun dan tidak akan berada di sini (sebagai Perdana Menteri) selama-lamanya.

"Dulu saya ingatkan Tan Sri Musa Hitam akan mengambil alih, tetapi dia meletakkan jawatan manakala Tun Ghafar Baba pula tewas kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pemilihan jawatan Timbalan Presiden Umno.

"Anwar pula sedang berdepan dengan beberapa masalah. Jadi saya tidak harus dipersalahkan kerana kita hanya merancang tetapi Tuhan yang menentukan," katanya.

Mengenai tindakannya melepaskan portfolio Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan Pertama, beliau berkata, langkah itu bertujuan

mbolehkannya meluangkan lebih banyak masa mengendalikan urusan berkaitan Umno.

Dr Mahathir berkata, dulu beliau sengaja memberi Anwar peluang bertemu rakyat dan membuat lawatan ke negeri kerana menjangka bekas timbalannya itu akan mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri.

Menurutnya, beliau tidak berminat untuk turun padang dan melawat ke seluruh negara pada waktu itu kerana menganggap sudah mempunyai calon sebagai penggantinya.

"Bagaimanapun, keadaan kini berbeza dan saya terpaksa kembali menemui rakyat di seluruh negara. Jadi saya perlukan lebih banyak masa. Saya mengambil keputusan untuk melepaskan kedua-dua portfolio berkenaan kerana jika sebaliknya, saya tidak mungkin mempunyai cukup masa untuk menguruskan pelbagai perkara," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan beliau masih perlu mengawal semua kementerian dan setiap menteri perlu merujuk kepadanya sebelum membuat keputusan.

(END)